

Gesa JPS siasat punca kejadian

LEMBAH JAYA UTARA - Musibah banjir yang berlaku di Ampang minggu lalu perlu dikaji dan disiasat segera agar perkara tersebut tidak berulang pada masa akan datang.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Bahagian Ampang, Datuk Ismail Kijo berkata, kejadian banjir di sekitar Ampang berikutan sungai yang cetek dan tidak diselenggara dengan baik.

Menurutnya, beliau telah diminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang bersimpati dengan musibah ini supaya satu kajian dan siasatan oleh JPS dilakukan bagi mengetahui punca banjir yang berlaku minggu lalu.

"Pada masa sama, Perdana Menteri turut meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) supaya satu cadangan dapat dibuat bagi mengelak perkara seumpama ini berulang," katanya selepas menyampaikan duit zakat

“Perdana Menteri turut meminta JPS dan MPAJ supaya satu cadangan dapat dibuat bagi mengelak perkara seumpama ini berulang.”

Ismail

Bank Rakyat kepada mangsa banjir di Lembah Jaya Utara, malam kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Bank Rakyat Cawangan Ampang, Abdul Latif Mahadi dan Timbalan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Dalam majlis tersebut, sebanyak RM126,000 duit zakat Bank Rakyat diserahkan kepada mangsa banjir di Lembah Jaya Utara, Kampung Pinggir Jaya dan Kampung Muhibah.

Setiap keluarga mangsa banjir me-

nerima bantuan zakat sebanyak RM300 yang disampaikan Ismail.

Beliau berkata, pada masa sama, Perdana Menteri turut mengarahkan 1Malaysia Corporation Development mengenalpasti bantuan yang diperlukan kepada mangsa banjir.

"1Malaysia Corporation Development akan membuat lawatan ke Ampang pada esok (hari ini) pada jam 3 petang untuk meninjau apakah bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir," katanya.

Mengulas pemberian bantuan duit zakat, Ismail berkata, bantuan tersebut adalah khusus kepada mangsa beragama Islam manakala kaum lain akan turut dibantu.

"Majlis Keselamatan Negara difahamkan akan menyampaikan bantuan pada minggu depan.

"Turut prihatin adalah Angkasa yang menaja makan malam untuk mangsa banjir malam ini," katanya.